

Qalam

KDN. 2180

M.C.(P)

2813/58

Rabi' al-Awwal 1386

Julai 1966

Bilangan 192

60 Sen

Tamatnya Konfrontasi

Tidak ada suatu berita yang mengembirakan dalam masa yang akhir ini selain daripada usaha yang dijalankan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, yang telah berunding dengan saudara Adam Malik, Menteri Luar Indonesia, di Bangkok yang mengambil keputusan menamatkan konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia yang berjalan selama tiga tahun. Di dalam masa konfrontasi itu, Malaysia bertahan dan bersabar, tidak mengadakan serangan-serangan balas, di dalam pencerobohan-pencerobohan gerila yang dilakukan oleh tentera-tentera Indonesia yang dianjurkan oleh *President* Soekarno yang pada masa itu kerajaannya adalah dipengaruhi oleh komunis.

Di dalam mencapai perdamaian ini, tidaklah seyogianya kita mengungkit-ungkit siapa salah dan siapa yang benar tetapi seyogialah kita meletakkan suatu asas baru dalam hubungan persaudaraan yang sedarah sedaging di antara umat Indonesia dan Malaysia di dalam mencari satu cita-cita yang besar bekerjasama untuk meletakkan negara-negara yang berbahasa Melayu di gugusan pulau-pulau Melayu itu

menjadi suatu rumpunan yang besar dan yang subur mempunyai suatu kebolehan dan kepercayaan kepada diri sendiri, kerana tidak ada negara-negara dalam dunia ini yang mempunyai bahan-bahan mentah, bahan-bahan yang menjadikan alat melaksanakan industri, melaksanakan apa jua pun untuk menguatkan kedudukan mereka selain daripada dua buah tempat yang utama ini, apa lagi jika sekiranya nanti dapat kerjasama yang erat di antara gugusan pulau-pulau Melayu ini termasuk Filipina dan Thailand. Dengan itu maka adanya perdamaian di antara kedua-dua negara itu yang mempunyai satu bahasa, satu adat resam, satu keturunan yang sama tentunya kelak akan menjadi satu himpunan yang kuat bagi menolak segala apa jua erti penjajahan, penjajahan *imperialist* Barat *imperialist* kebendaan, *imperialist* Komunis dan segala-galanya iaitu segala ideologi yang bertentangan dengan jiwa dan tujuan umat yang terbanyak diseluruh gugusan pulau-pulau Melayu ini.

Tidaklah rasanya menjadi suatu perkara yang terburu-buru untuk kerajaan memikirkan semula tentang rancangan “Maphilindo” yang terbengkalai begitu lama untuk menyatukan kebolehan, kekuatan dan kemakmuran dari seluruh penduduk digugusan pulau-pulau Melayu ini. Kita berharap kiranya pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab tidaklah melengahkan persoalan ini untuk mencari kebahagiaan umat seluruhnya dan tidaklah kelak pemimpin-pemimpin terutamanya di Malaysia, memikirkan kemungkinan yang tidak

diingini akan timbul kerana di dalam negeri mustahak sungguh bagi kita mencari suatu penyelesaian walau pun penyelesaian itu menyentuh sebahagian golongan yang tentunya walau bagaimana pun selamanya tidak akan berpuas hati kepada apa yang telah mereka rasa, apa yang mereka telah terima nikmat-nikmat yang diberikan kepada mereka dan pada masa akan datang mereka akan pula menguasai dan akan mempengaruhi keadaan-keadaan di sekitarnya untuk membatalkan segala cita-cita yang baik, cita-cita persatuan di antara saudara-saudara yang berasal dari sedarah sedaging.

Tidaklah mengherankan bahawa tamatnya konfrontasi dan kalau berdiri “Maphilindo” ada golongan-golongan yang dari sekarang telah membangkit-bangkitkan perasaan menentangnyanya kerana dari mula lagi ada golongan-golongan dan orang-orang apabila Tengku berada di Manila dan Tokyo bersama-sama *President* Soekarno dahulu tatkala menyebut persoalan “Maphilindo” maka mereka terus ke tengah dan berkata di hadapan umum bahawa mereka tidak akan menyetujui adanya “Maphilindo” dan mereka tidak akan memberi mandat kepada Tengku supaya Tengku bersatu dalam “Maphilindo”. Tetapi golongan ini sudahlah tersingkir daripada Malaysia dan sudah tidak bersatu di dalam Malaysia hanya mereka mungkin akan cuba mempertahankan¹ orang-orang yang segolongan dengan mereka, yang sefaham dengan mereka, untuk mengacau, untuk menakut-nakutkan mereka bahawasanya “Maphilindo” adalah momok kepada perjuangan mereka dan “Maphilindo” adalah berbahaya. Untuk kesejahteraan mereka – iaitu perkara-perkara yang tidak mungkin dan tidak akan berlaku

¹ mempertahankan